

13/10/2001

Hentikan serangan (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Amerika Syarikat menghentikan serangan ke atas Afghanistan sebelum semakin ramai rakyat tidak berdosa di negara itu, menjadi korban.

Sehubungan itu, Malaysia akan mengutus surat kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meminta diadakan segera persidangan mengenai keganasan bagi menyelesaikan pelbagai kekeliruan mengenai isu itu sekarang.

Perdana Menteri berkata, Malaysia tidak bersetuju dengan serangan seperti itu, yang memasuki hari keenam hari ini, kerana ia tidak akan membantu membanteras keganasan.

"Ya, sudah pasti," katanya ketika ditanya sama ada perlu bagi Amerika menghentikan serangan berikutan sasarannya kini tidak lagi terhad kepada kubu Taliban dan kawasan yang disyaki kem latihan kumpulan Al-Qaeda.

"Kita tidak setuju dengan serangan seperti itu kerana ia tidak akan membantu membanteras keganasan. Ia mungkin mengena kepada orang lain, tetapi bukan penganas.

"Harus dinyatakan di sini bahawa penganas yang didakwa oleh Amerika itu bukan warga Afghanistan pun," katanya selepas merasmikan Persidangan Menteri Pelancongan Islam kedua di sini, hari ini.

Bantahan umat Islam di seluruh dunia, termasuk di ibu negara semakin memuncak berikutan bom dan peluru berpandu Amerika, yang kononnya dituju ke arah kem latihan penganas, tersilap sasaran.

Dalam serangan pagi semalam, lebih 200 orang di sebuah kampung di timur Afghanistan terbunuh. Serangan bom oleh tentera Amerika berhampiran Jalalabad turut memusnahkan sebuah masjid.

Amerika menyerang Afghanistan untuk melumpuhkan puak Taliban yang dituduh melindungi Osama bin Laden, orang paling utama disyaki mendalangi serangan terhadap Pusat Dagangan Dunia (WTC) di New York dan Pentagon, Washington 11 September lalu.

Dr Mahathir berkata, Malaysia akan meminta PBB mengadakan persidangan khas untuk membincang dan mentakrifkan keganasan.

"Kita akan mengutus surat kepada Setiausaha Agung PBB, Koffi Annan, meminta beliau mengadakan satu persidangan mengenai keganasan dan ia sangat penting sekarang kerana banyak kekeliruan mengenai hal itu.

"Ada orang yang berjuang bagi kemerdekaan, mereka juga dicap sebagai penganas... juga apa yang mereka boleh melakukan dan tidak boleh melakukan perlu ditentukan.

"Ketika peperangan, kita tidak dibenarkan menggunakan gas beracun untuk melawan musuh. Tetapi, bagi mereka yang berjuang untuk kemerdekaan, ada perkara yang mereka tidak boleh lakukan dan antaranya ialah membunuh orang tidak bersalah," katanya.

Mengenai pendirian Malaysia berhubung bukti dikemukakan Amerika mengenai pembabitian Osama dan Al-Qaeda, Dr Mahathir berkata ia tidak menunjukkan bukti yang spesifik.

"Ia menunjukkan perkara tertentu, tetapi tiada apa yang kita boleh buat. Tiada fungsi bagi Malaysia," katanya.

Perdana Menteri menjangka negara-negara Islam akan muncul lebih kuat lagi selepas ini berikutan tanggapan salah terhadap Islam dan keganasan sekarang.

"Dengan peredaran masa, akan dapat ditunjukkan bahawa umat Islam saja penganas. Yang lain juga penganas. Masalah kita sekarang ialah segmen

tertentu media dunia hanya menumpukan pada keganasan yang dikaitkan dengan umat Islam, bukan keganasan orang lain," katanya.

Mengenai satu lagi perkara, beliau berkata OIC telah menunjukkan respon dengan baik ketika krisis sekarang ini dan bersatu padu dalam pendiriannya terhadap serangan Amerika di Afganistan.

Ditanya apakah pendirian Malaysia jika Amerika tidak lagi membataskan serangan terhadap Afghanistan, sebaliknya mungkin menasarkannya kepada Iraq, Dr Mahathir berkata ia juga tidak akan menyelesaikan masalah.

"Saya fikir (tindakan itu) mungkin mengheret negara lain... saya khawatir lebih ramai orang akan sengsara," katanya.

Kepada satu soalan lain, Mahathir berkata OIC memberi reaksi mereka dengan baik dalam krisis sekarang serta bersatu dalam pendiriannya terhadap serangan Amerika ke atas Afganistan.

Terdahulu dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata umat Islam sekarang dalam keadaan agak malang kerana sesiapa saja mempunyai "bin" selepas namanya, akan disiasat di lapangan terbang kerana disyaki pengganas.

Katanya, selepas terkuburnya komunis pada 1990, umat Islam dikaitkan dengan keganasan, militan, pelampau dan sebagai anti-Barat oleh media di negara itu.

"Kita mengakui memang ada umat Islam jadi pengganas, tetapi ada juga orang Hindu, Buddha, Yahudi, Kristian dan atheis. Adalah tidak adil untuk menganggap setiap umat Islam sebagai pengganas yang mesti disoal siasat.

"Ia menyebabkan umat Islam tidak selesa dan mereka mungkin bersimpati terhadap umat yang bertindak ganas untuk membalas dendam terhadap dunia yang tidak setiakawan," katanya.

Dr Mahathir mengulangi bahawa keganasan bukan cara orang Islam. Walaupun berhadapan dengan ketidakadilan, umat Islam tidak harus melakukan keganasan.

"Apa yang perlu dilakukan ialah memajukan negara dan melengkapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan keupayaan bagi membolehkan mereka tidak bergantung kepada orang lain.

"Apabila kita kuat, tindakan membuli umat Islam mungkin berakhir. Ia mungkin mengambil masa lama... 100 tahun... tetapi kita sebagai umat Islam mesti sabar," katanya.

(END)